

Kelab TaHa UMS anjur aktiviti kemasyarakatan

84 02-07-2012 12

Kota Marudu: Kelab TaHa@U Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Berita Harian mengadakan program khidmat masyarakat di Kampung Salimandut Tandek di sini, baru-baru ini.

Seramai 220 peserta terbabit dalam program khidmat masyarakat kali kedua diadakan di negeri ini merangkumi pelajar UMS, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandau dan Sekolah Kebangsaan (SK) Salimandut, kakitangan Tabung Haji dan masyarakat setempat.

Berita Harian menyediakan 200 kemeja T Kelab TaHa@U dan sijil penyertaan bagi peserta program.

Antara aktiviti, gotong-royong

“

Kami berharap aktiviti ini diteruskan pada masa depan dan lebih banyak program berunsur pendidikan dilaksanakan ke arah melahirkan lebih umat Islam berjaya”

Muhammad Zaki Baijuri,
Timbalan Pengarah Tabung Haji Sabah

membersihkan Masjid Al Muttaqin, solat berjemaah, sukan rakyat, majlis bacaan Yasin, tahlil dan kuliah agama bagi mendidik penduduk kampung yang majoritiannya mualaf.

Turut disampaikan barang keperluan harian seperti beras, gula, minyak masak dan susu kepada penduduk kampung bagi meringankan beban mereka.

Timbalan Pengarah Tabung

Haji Sabah, Muhammad Zaki Baijuri, berkata program itu turut menarik minat seorang dukun berusia 87 tahun untuk memeluk Islam.

“Program bukan saja menaikkan imej Tabung Haji dan Berita Harian tetapi juga membantu pembangunan modal insan dan syiar Islam, terutama di kalangan penduduk serta pelajar Islam di negeri ini.

“Kami berharap aktiviti ini diteruskan pada masa depan dan lebih banyak program berunsur pendidikan dilaksanakan ke arah melahirkan lebih umat Islam berjaya,” katanya.

Muhammad berkata, penuntut UMS yang menyertai program itu memberi maklum balas positif dan komitmen untuk terus bekerjasama dengan Tabung Haji bagi program akan datang.



Sebahagian **220 peserta** program khidmat masyarakat iaitu pelajar UMS, kakitangan Tabung Haji, penduduk kampung, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandau dan Sekolah Kebangsaan (SK) Salimandut di Kampung Salimandut Tandek, Kota Marudu, baru-baru ini.